



## SIARAN MEDIA

### "SISTEM PENYAMPAIAN BERMESRA KASIH SAYANG MEMBANTU KUMPULAN SASARAN"

**PUTRAJAYA, 10 MAC 2015** – Semua pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat disaran untuk mengamalkan budaya perkhidmatan pengguna bermesra kasih sayang atau “*customer service with love and kindness*”. Perkara itu diumumkan oleh YB Dato’ Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sempena Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) tahun 2015 di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP), Bangi.

Seramai 656 orang pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) diraikan pada Majlis APC yang diadakan bagi mengiktiraf dan menghargai sumbangan Kementerian terhadap anggota Perkhidmatan Awam khususnya kepada warga KPWKM yang telah menghasilkan kualiti perkhidmatan yang cemerlang dan memenuhi kehendak kumpulan sasar.

YB Dato’ Sri Rohani berkata, “pegawai dan kakitangan KPWKM merupakan orang istimewa yang memikul tanggungjawab yang amat berat kerana di tangan mereka akan menentukan nasib kumpulan sasar. Oleh itu, mereka wajar melaksanakan tanggungjawab dan tugas dengan mesra kasih sayang dan budi baik yang didorong oleh keikhlasan”.

Beliau turut mengingatkan, “bagi melaksanakan tugas dengan sempurna, pegawai dan kakitangan wajib mengorak langkah *extra mile* untuk membantu kumpulan sasar. Pegawai dan kakitangan tidak boleh terikat dengan waktu kerja 8 pagi hingga 5 petang sahaja kerana kumpulan sasar memerlukan pertolongan kita tanpa mengira waktu pejabat”.

Buat julung kalinya pada tahun ini KPWKM memperkenalkan Anugerah Khas kepada dua orang pegawai dari kalangan Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA). Anugerah tersebut disampaikan kepada Yang Berusaha Encik Wee Beng Ee, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) dan Yang Berbahagia Dato’ Siti Norlasiah Ismail, Ketua Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) bagi menghargai dan mengiktiraf sumbangan idea serta khidmat bakti mereka dalam menaikkan nama dan imej KPWKM secara keseluruhannya.

Turut hadir sama pada majlis tersebut ialah YB Senator Datin Paduka Chew Mei Fun, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YBhg. Dato’ Sabariah Hassan, Ketua Setiausaha KPWKM, YBhg. Encik Azman Mohd Yusof, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) KPWKM, Encik Wee Beng Ee, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) dan pegawai – pegawai kanan KPWKM.

####

Disediakan oleh : Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat  
No.55, Persiaran Perdana, Precint 4,  
Putrajaya

Tarikh : 22 Mac 2016